

Penggunaan Internet Berteraskan Islam

Mohd Shukri Hanapi

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia



Komunikasi merupakan aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Melalui komunikasi, sesuatu mesej, berita dan maklumat dapat disebarkan. Kini, komunikasi bukan sahaja berlaku secara lisan, malah boleh juga berlaku secara maya, iaitu melalui Internet. Kemunculan Internet sebagai alat komunikasi arus perdana menjadikannya sebagai wasilah dalam penyebaran maklumat. Penggunaan teknologi Internet menerusi jaringan sejagat atau World Wide Web (www) dan komponennya, seperti Facebook, Twitter, Instagram dan LinkedIn memudahkan pengguna untuk berkomunikasi dan bertukar-tukar maklumat dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia kerana komunikasi dapat dilakukan dengan cepat, serta menjimatkan masa dan wang.

Dengan kecanggihan dan kelebihan inilah, maka Internet digunakan secara meluas. Malah, kadar penggunaannya juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), jumlah pengguna Internet di Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 28.7 million berbanding dengan 24.5 million pada tahun 2016.

Dalam pada itu, statistik juga menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia menghabiskan masa melayari Internet berbanding dengan media lain, seperti televisyen, radio dan surat khabar. Kira-kira 11.8 juta rakyat Malaysia mempunyai akaun Facebook dengan lebih 80 peratus melayari Internet untuk mengakses Facebook. Mohd Aziz Ngah dalam rencananya, “Kawal Facebook Sebelum Cetus Huru-Hara” menyatakan bahawa Malaysia menduduki tangga ke-18 dunia dari aspek jumlah pengguna Facebook.

Sebenarnya, penciptaan aplikasi komunikasi melalui Internet ini mempunyai banyak faedah jika digunakan dengan baik dan betul. Selain digunakan untuk penyebaran maklumat, Internet juga dapat digunakan untuk tujuan perniagaan, pembelian, pengajaran, pembelajaran dan komunikasi. Dalam hal ini, para pengguna sentiasa dituntut beretika, berdisiplin, mematuhi peraturan dan bertanggungjawab agar kemajuan itu tidak disalahgunakan, terutamanya untuk menyebarkan perkara yang tidak baik, seperti fitnah, gosip, berita palsu, tohmahan, hasutan, provokasi isu perkauman dan penipuan.

Jelas di sini bahawa penggunaan Internet yang beretika dan bertanggungjawab akan dapat memberikan banyak kelebihan kepada sosioekonomi manusia. Dengan kewujudan Internet, dunia hari ini semakin menjadi seperti “sebuah perkampungan kecil”, tetapi padat dengan berita dan maklumat yang boleh dicapai dengan mudah dan pantas.

Walau bagaimanapun, oleh sebab agak sukar untuk mengawal dan menyekat penyebaran maklumat di dunia siber ini secara total, ada segelintir pengguna Internet yang menyalahgunakan teknologi ini untuk melakukan perkara yang tidak sihat, seperti mencetuskan provokasi perkauman, mempersendakan agama, mengugut, menghasut, menghina institusi raja dan pemimpin atau individu tertentu, menyebarkan fitnah, mendedahkan keaiban orang, dan melakukan pelbagai tohmahan.

Belakangan ini, semua perkara tidak bermoral tersebut didapati semakin menular dalam kalangan pengguna Internet di Malaysia. Misalnya, pada 17 Mac 2020 yang lalu, akhbar *Sinar Harian* melaporkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan tiga individu atas kesalahan menyalahgunakan media sosial. Mereka didapati melakukan kesalahan menghantar

kandungan jelic dan video lucah melalui aplikasi WhatsApp dan sistem pesanan ringkas (SMS) dengan niat mengganggu dan menyakitkan hati orang lain.

Begitu juga dalam keadaan situasi negara sedang menghadapi penularan wabak COVID-19, banyak pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyebarkan berita palsu yang boleh mencetuskan kebimbangan dan menjejaskan sektor perniagaan, sekali gus memberikan kesan terhadap ekonomi negara. Menurut Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* pada 8 Mac 2020, “Perbuatan pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu kononnya pusat beli-belah tidak selamat dikunjungi hanya akan mewujudkan panik, seterusnya orang awam tidak mahu keluar dari rumah kerana takut dijangkiti COVID-19. Hal ini akan menjejaskan perniagaan di pusat beli-belah itu yang pastinya tidak elok untuk ekonomi negara.”

Keadaan ini sebenarnya sedikit banyak menjadi penyebab masyarakat berada dalam dilema, sama ada mahu mempercayai atau terus menafikan sesetengah berita atau maklumat yang disebarkan melalui Internet. Jika secara lisan pun berita atau maklumat boleh dimanipulasi dan dikelirukan, begitu juga melalui Internet. Malah, melalui Internet latar belakang diri orang yang berkomunikasi itu boleh dirahsiakan dengan menggunakan nama samaran dan maklumat diri yang palsu. Kadangkala hal ini menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan orang yang mendalangnya.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab semua pengguna Internet untuk memelihara negara dan rakyat daripada sebarang unsur negatif yang boleh merosakkan. Gunalah akal dan kepintaran kurniaan Allah SWT untuk memastikan berita atau maklumat yang dihantar, serta komunikasi yang berlaku melalui Internet itu dalam bentuk beretika dan selari dengan ajaran Islam.

Sebenarnya, media komunikasi dalam sesebuah negara itu mempunyai peranan yang penting untuk menyebarkan pelbagai pengaruh dalam jiwa masyarakat sama ada yang bersifat positif mahupun negatif. Dalam hal ini, setiap pengguna perlu memastikan Internet dapat dimanfaatkan untuk menyebarkan berita dan maklumat yang positif, dan dapat membina pemikiran masyarakat. Hal ini bermaksud, media komunikasi seperti Internet

bertindak sebagai alat yang dapat membantu kita dalam usaha membina masyarakat yang berakhlak, berfikiran murni, mempunyai hala tuju yang jelas, serta membentuk suasana negara yang aman dan sejahtera menurut perspektif Islam.

Bagi memastikan hasrat ini tercapai, lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, memelihara jiwa atau nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta wajar dijadikan sebagai falsafah atau tapak kepada pembentukan etika penggunaan Internet berteraskan Islam. Dalam Islam, persoalan etika mesti dipertanggungjawabkan secara bersama. Oleh itu, penggunaan Internet hendaklah dalam lingkungan etika agar kesan buruknya terkawal.


Berasaskan prinsip memelihara agama, setiap pengguna perlu memastikan Internet digunakan untuk menyampaikan berita dan maklumat yang boleh memelihara pegangan agama seseorang dan mempertahankannya, terutamanya berita dan maklumat yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, apa-apa jua berita dan maklumat yang bercanggah dengan agama dan memudaratkan pemikiran masyarakat perlu diketepikan. Bagi mencapai tujuan ini, para pengguna Internet perlu memahami konsep tauhid dan falsafah takwa supaya mereka tidak menyiarkan berita dan maklumat yang boleh mengancam agama dan menimbulkan kesan buruk dalam masyarakat Islam, seperti kisah tahayul dan khurafat, penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan para sahabat r.a., serta ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah.

Dari aspek memelihara jiwa atau nyawa pula, para pengguna perlu menyampaikan berita dan maklumat yang berkaitan dengan tatacara penjagaan kesihatan, pemakanan seimbang, pembinaan keluarga bahagia, bahaya dadah dan jenayah, dan hal yang berkaitan dengan motivasi. Dalam hal ini, segala berita dan maklumat yang boleh mengancam nyawa dan memudaratkan keselamatan masyarakat dan negara mestilah ditapis dan diketepikan.

Seterusnya, berasaskan aspek memelihara akal, para pengguna Internet patut menyebarkan berita dan maklumat yang berunsur pendidikan, pengajaran, dan perkara yang boleh menimbulkan kesedaran kepada masyarakat. Berita dan maklumat yang boleh menyekat pembinaan pemikiran dan intelektual, serta merosakkan akal fikiran dan akhlak masyarakat,

seperti tindakan mempromosi arak, dadah, pil khayal, dan seumpamanya mesti dielakkan.

Berasaskan prinsip memelihara keturunan pula, para pengguna tidak patut menyebarkan berita dan maklumat yang bersifat lucah dan mendorong perbuatan jenayah, seperti zina, liwat, *musahaqah* (hubungan perempuan sesama perempuan), berkhawat, dan pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram. Apa-apa jua berita dan maklumat yang boleh memudaratkan keturunan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung mestilah disekat daripada disebarluaskan melalui Internet. Sebenarnya prinsip memelihara keturunan



“**Media komunikasi yang digerakkan dengan penuh kesedaran sosial mampu membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara ...**”



ini merangkumi juga soal memelihara maruah. Oleh itu, berita dan maklumat yang berunsur fitnah, khabar angin, gosip liar, tuduhan melulu, perihal dalaman rumah tangga, dan keaiban orang lain wajib dihindari.

Akhir sekali, berasaskan prinsip memelihara harta, para pengguna boleh menyebarkan pelbagai berita dan maklumat tentang membina usahawan berjaya, iklan perniagaan, prinsip perniagaan menurut Islam, bahaya riba kepada masyarakat dan pelbagai berita dan maklumat lain yang berkisar tentang aspek tersebut. Berita dan maklumat yang boleh memudaratkan, merosakkan dan mensia-siakan harta, seperti menggalakkan pencurian,

perjudian, pembaziran, skim pelaburan cepat kaya, dan ekonomi kapitalis mesti ditapis dan disekat.

Jelas di sini bahawa etika penggunaan Internet berteraskan Islam yang dibina berasaskan pemeliharaan maqasid syariah ini adalah untuk memastikan media komunikasi pada masa ini membawa berita dan maklumat yang penuh dengan nilai akhlak mulia dan moral yang tinggi. Dengan demikian, sesuatu berita dan maklumat yang disebarkan itu akan menjadi sesuatu yang lebih bermakna dan bersifat membina pemikiran dan peradaban umat.

Secara lebih terperinci, terdapat beberapa kaedah fiqah yang boleh dijadikan panduan dan kayu ukur terhadap penyebaran sesuatu berita dan maklumat melalui Internet. Antaranya termasuklah kaedah menolak keburukan lebih diutamakan daripada mendatangkan kebaikan; tidak boleh mencetuskan kemudaratan dan tidak boleh mengakibatkan kemudaratan; kemudaratan boleh atau mesti dihapuskan; apabila bertentangan dua kemudaratan, maka kemudaratan yang lebih besar itu lebih diutamakan; kemudaratan itu perlu ditolak seboleh mungkin; darurat mengharuskan sesuatu yang dilarang; darurat diukur menurut kadar selayaknya; dan antara dua perkara yang buruk, maka perlu dipilih yang paling ringan kesannya.

Sememangnya, saluran media komunikasi melalui Internet mempunyai peranan yang amat penting bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang cemerlang. Pihak pengamal media, organisasi yang bertanggungjawab, dan pengguna media massa yang semakin hari semakin bertambah perlu sama-sama menilai dan mengkritik dalam usaha menambah nilai untuk kebaikan, bukannya mengkritik untuk meruntuhkan.

Berita dan maklumat yang disampaikan bukan hanya sekadar makluman untuk tatapan dan keseronokan, bahkan mesejnya diharap mampu mengubah persepsi dan sikap masyarakat terhadap sesuatu perkara. Media komunikasi yang digerakkan dengan penuh kesedaran sosial mampu membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara, namun media yang diwujudkan dengan matlamat mencari keuntungan semata-mata akan mengundang pelbagai malapetaka. Oleh itu, semua pihak terutamanya kerajaan mestilah memastikan media komunikasi berperanan sebagai agen yang mencorak pemikiran dan sikap masyarakat ke arah menjadi warganegara yang berakhlak mulia. **DTI**